

LAMPIRAN A

**SKIM PERKHIDMATAN
PENSYARAH UNIVERSITI**

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA	: 1 SEPTEMBER 2010
SYARAT LANTIKAN	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-</p> <p>(a) warganegara Malaysia;</p> <p>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</p> <p>(c) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.</p> <p>(d) kepujian Bahasa Melayu/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p> <p>(e) (i) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>(ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.</p>
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DS51 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	3. Pensyarah Universiti yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	4. Pensyarah Universiti boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pensyarah Universiti dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pensyarah Universiti yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pensyarah Universiti hendaklah melepas penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ Ketua Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED DS54
(PROFESOR MADYA)**

9. Pensyarah Universiti Gred DS51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS54 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **sangat istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

11. Pensyarah Universiti Gred DS53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas C apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - (c) melepas semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)	<p>12 Pensyarah Universiti Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Pensyarah Universiti Gred Khas B apabila telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan (c) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan. <p>Pensyarah Universiti Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Pensyarah Universiti Gred Khas A apabila telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan (c) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan. <p>KENAIKAN PANGKAT GRED DS51/52 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA</p> <p>KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA</p> <p>KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)</p> <p>KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)</p>
	<p>Pensyarah Universiti Gred DS51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepassi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.</p> <p>Pensyarah Universiti Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.</p> <p>Pensyarah Universiti Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus III apabila telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan (c) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan. <p>Pensyarah Universiti Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus II apabila telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan

oleh kerajaan; dan

- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED
KHAS TURUS I (PROFESOR
ULUNG)**

Pensyarah Universiti Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus I apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan
- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT KE
JAWATAN KETUA EKSEKUTIF**

Pensyarah Universiti Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan
- (d) diperakukan oleh ketua jabatan/Ketua Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.9.2007 [Lampiran A dan A1 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2008, JPA(S)324/14/9-6 Klt. 7 (28)]